



Rujukan kami : PMTG.PP.600-1/1/5(28)
Tarikh : 22 Julai 2019

Saudara/i,

JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-3 POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR (PMTG) BAGI TAHUN 2019

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak PMTG merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan di atas kejayaan para graduan. Sehubungan dengan itu, para graduan dijemput untuk menghadiri Majlis Konvokesyen Ke-3 PMTG bagi Tahun 2019 yang akan diadakan pada ketetapan berikut:

Tarikh : 22 September 2019 (Ahad)
Masa : 7.30 Pagi
Tempat : The Light Hotel, Seberang Jaya, Pulau Pinang

3. Para graduan hendaklah melengkapkan maklumat berikut di laman sesawang PMTG (<http://www.pmtg.edu.my>):

- i. Pengesahan kehadiran
- ii. Pemilihan saiz jubah
- iii. Muatnaik salinan slip pembayaran (resit)
- iv. Kemaskini alamat terkini
- v. Kemaskini status pekerjaan
- vi. Gambar graduan berukuran passport

4. Makluman pembayaran yuran konvokesyen adalah seperti di bawah:

- 4.1 Yuran konvokesyen berjumlah **RM280.00** di atas nama :
Koperasi Politeknik METrO Tasek Gelugor Berhad melalui
akaun **Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)** bernombor
07052010012230
- 4.2 Yuran konvokesyen bagi graduan yang **HADIR** atau **TIDAK HADIR**
adalah **RM280.00**

5. Tarikh akhir pengesahan kehadiran graduan adalah pada **16 Ogos 2019 (Jumaat)**. Sebarang rayuan selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan.

6. Para graduan **DIWAJIBKAN** hadir pada sesi **pra pendaftaran, pengambilan jubah dan sesi fotografi** seperti butiran berikut:

Tarikh : 21 September 2019 (Sabtu)
Masa : 8.30 Pagi
Tempat : Politeknik METrO Tasek Gelugor

7. Para graduan perlu merujuk **e-Buku Panduan Majlis Konvokesyen PMTG** yang boleh di capai di laman sesawang rasmi PMTG. Para graduan wajib merujuk panduan ini untuk mengetahui tatacara menghadiri konvokesyen.

8. Dua (2) keping pas masuk ke dewan konvokesyen akan diberikan semasa pra pendaftaran graduan untuk kebenaran masuk bagi dua (2) orang dewasa sahaja (ibu bapa atau penjaga). Kanak-kanak berumur bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk.

9. Pihak PMTG mengalu-alukan kehadiran para graduan pada Majlis Konvokesyen Ke-3 PMTG ini. Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi **Pn. Zirwatul Hanan Binti Salleh** atau **Pn. Sarifah Nor Husna Binti Syed Alias** di talian **04-5732789** atau emailkan kepada **hanan@pmtg.edu.my**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(Ts. ZULKURNAIN BIN SHAHADAN)

Pengarah

Politeknik METrO Tasek gelugor

Tel: 04-5732789

Fax: 04-5732087

Emel: pengarah@pmtg.edu.my

Senarai Semak Dokumen Majlis Konvokesyen PMTG

Bil	Perkara	Butiran	Tindakan (/)
1	Pengesahan Kehadiran		
	a. Jawapan pengesahan kehadiran	Laman sesawang PMTG	
	b. Pilihan saiz jubah		
	c. Muatnaik salinan bukti resit pembayaran		
	d. Mengemaskini maklumat terkini graduan		
	e. Mengemaskini status pekerjaan (graduan PMTG sahaja)		
f. Gambar graduan ukuran pasport			
2	Resit Bukti Pembayaran (bawa hari pra pendaftaran)	PMTG	